

SPESIFIKASI KONTRAK FGLD



Kod Kontrak	FGLD
Aset Pendasar	Emas dicerakin kepada kehalusan 995 minimum
Cara Penyelesaian	Penyelesaian Tunai
Saiz Kontrak	100 gram
Sebut harga	Ringgit Malaysian (RM) per gram
Turun Naik Harga Minimum	RM 0.05 per gram (atau RM 5 per tik)
Had Harga Harian	<p>Hendaklah tiada dagangan pada harga melebihi 10% di atas atau di bawah harga penyelesaian Hari Perniagaan sebelumnya ("Had 10%") kecuali seperti yang diperuntukkan di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none">(a) Jika Kontrak bulan terkini didagangkan pada Had 10%, Bursa akan mengumumkan satu tempoh bertenang 10-minit ("Tempoh Bertenang") untuk Kontrak semua bulan kontrak (termasuk bulan terkini) yang semasa itu dagangan hanya boleh berlaku dalam lingkungan Had 10% untuk Kontrak semua bulan kontrak (termasuk bulan terkini).(b) Selepas Tempoh Bertenang, Kontrak semua bulan kontrak (termasuk bulan terkini) akan ditentukan sebagai diganggu untuk tempoh 5 minit, yang selepasnya had harga akan ditingkatkan kepada 20%. Harga yang didagangkan untuk Kontrak semua bulan kontrak (termasuk bulan terkini) hendaklah kemudianya berubah tidak melebihi 20% lebih atau kurang daripada harga penyelesaian pada Hari Perniagaan sebelumnya ("Had 20%").(c) Jika Kontrak bulan terkini didagangkan pada Had 10% kurang daripada 30 minit sebelum tamat sesi dagangan pertama, Had 10% akan dikenakan ke atas Kontrak semua bulan kontrak (termasuk bulan terkini) untuk baki sesi dagangan pertama, dan Had 20% akan dikenakan ke atas Kontrak semua bulan kontrak (termasuk bulan terkini) semasa sesi dagangan kedua.(d) Jika Kontrak bulan terkini didagangkan pada Had 10% kurang daripada 30 minit sebelum tamat sesi dagangan kedua, Had 10% akan dikenakan ke atas semua Kontrak daripada semua bulan kontrak (termasuk bulan terkini) untuk baki Hari Perniagaan tersebut.(e) Pada mana-mana Hari Perniagaan selain Hari Dagangan Terakhir, had harga dalam perenggan di atas dikenakan kepada semua dagangan dalam Kontrak semua bulan kontrak termasuk bulan terkini. Pada Hari Dagangan Terakhir, had harga dalam perenggan di atas tidak dikenakan ke atas dagangan dalam Kontrak bulan terkini.

SPESIFIKASI KONTRAK FGLD



Had Pegangan Spekulatif

Bilangan maksimum pegangan belian bersih atau pegangan jualan bersih untuk semua bulan tergabung seseorang pelanggan atau peserta boleh pegang atau kawal ialah 25,000 kontrak.

Waktu Dagangan

Iasnin hingga Jumaat
Sesi Dagangan: (Waktu Malaysia)
Jam 0900 – 1230
Jam 1430 – 1900
Hari Perniagaan:
Mengikut Hari Perniagaan KL

Bulan Kontrak

Bulan Terkini; dan 3 bulan kalender berikutnya; dan
Mana-mana bulan Februari, April, Jun, Ogos, Oktober dan Disember yang jatuh dalam tempoh 12 bulan bermula dengan bulan terkini.

Hari Dagangan Akhir

Hari Perniagaan bersama terakhir bulan terkini di kedua-dua London dan KL.

Nota:

Jika Hari Perniagaan terakhir bulan terkini adalah hari cuti di London, Hari Dagangan Terakhir adalah hari pertama sebelum Hari Perniagaan yang bukan hari cuti di London.

Kontrak baharu akan tersedia untuk didagangkan pada hari pertama Hari Perniagaan KL bulan berikutnya.

Selain kontrak yang luput, semua kontrak lain akan terus didagangkan sehingga Hari Perniagaan KL terakhir setiap bulan kalender.

Nilai Penyelesaian Akhir

Nilai Penyelesaian Akhir akan dikira menggunakan London Gold AM Fix (ditetapkan harga pada USD/Auns Troy) pada Hari Dagangan Akhir diselaraskan untuk penukaran kepada RM/gram.

Kadar pertukaran USD/RM

Kadar tengah jam 1700 yang diterbitkan pada Hari Dagangan Terakhir di laman web Bank Negara Malaysia.

Penukaran daripada Auns Troy kepada Gram

1 auns troy = 31.1034768 gram

Pembundaran ke Atas/ ke Bawah:

Nilai Penyelesaian Akhir dibundarkan kepada RM 0.05 terdekat.

Penafian:

Semua rujukan kepada harga London Gold AM Fixing digunakan dengan kebenaran The London Gold Market Fixing Limited. London Gold Market Fixing Limited dan Bursa Malaysia Derivatives Bhd tidak menanggung apa-apa liabiliti atau tanggungjawab atas ketepatan harga atau produk pendasar yang harganya berkemungkinan dirujuk.